

SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI 2018

# Zheng Yang Olahragawan SUKIPT



➔ Chui Fei  
dipilih  
olahragawati  
kejohanan

Oleh Sukhairi Thani  
sukhairi@nstp.com.my

► Bangi

**D**ua perenang dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018 pada hari kemuncak temasya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

Gelaran Olahragawan menjadi milik atlet Taylor's University, Yeap Zheng Yang, manakala Angela Chui Fei (Universiti Putra Malaysia), dipilih sebagai Olahragawati bagi edisi kali ini.

Bagi Zheng Yang yang juga perenang kebangsaan, gelaran itu menjadi pencetus semangat buatnya menghadapi kejohanan akan datang.

"Ini kali pertama (menyertai

SUKIPT) dan tak sangka boleh meraih gelaran ini," kata Zheng Yang yang membantu kontinjen Taylor's University meraih lima pingat emas dan satu perak.

"Ini satu perkembangan baik untuk mencapai sasaran seterusnya dan saya berpuas hati dengan prestasi sendiri. Selepas ini, saya akan cuba perbaiki lagi catatan terbaik peribadi," katanya ketika ditemui.

Selain pingat, Zheng Yang, 19, turut memadamkan tiga rekod temasya dalam acara 1,500m gaya bebas dengan catatan baharu 16 minit 19.78 saat, 800m gaya bebas (8:25.37s) dan 400m gaya bebas (4:02.07s).

### Tonik lebih menyerlah

Sementara itu, Chui Fei dari Sarawak, menyifatkan pencapaian kali ini sebagai tonik buatnya untuk lebih menyerlah, terutama pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) di Perak.

"Saya hanya buat yang terbaik untuk UPM dan saya mengambil serius penyertaan di sini," kata perenang berusia 20 tahun itu.

"Saya tidak meletak sasaran untuk memecahkan rekod, hanya sasaran pingat emas.

"Untuk tahun ini, saya akan



Zheng Yang dan Chui Fei dinobatkan Olahragawan dan Olahragawati SUKIPT 2018 pada hari kemuncak temasya di UKM, Bangi, semalam.

### KUTIPAN PINGAT (10 TERATAS)

KONTINJEN	E	P	G	JUMLAH
UPM	44	41	33	118
UiTM	42	37	35	114
Politeknik	27	17	27	71
Uni Sunway	17	14	18	49
Uni Taylor	16	11	14	40
UM	14	16	15	45
UniSZA	9	5	9	23
UPSI	8	5	12	25
Uni HELP	7	2	6	15
UKM	6	10	12	28

memberi lebih tumpuan kepada SUKMA dan sekiranya dapat menyertai Sukan Asia, ia pastinya sesuatu yang bagus buat saya.

"Apa pun, saya berpuas hati dengan pencapaian di sini apatah lagi kali pertama menyertainya. Ini satu permulaan yang cukup baik untuk tahun ini."

SUKIPT 2018 melabuhkan tirainya semalam menyaksikan UPM muncul selaku juara keseluruhan dengan menggondol 44 emas, 41 perak dan 33 gangsa.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) di tangga kedua dengan 42-37-35, manakala Politeknik Malaysia ketiga 27-17-27 gangsa.